

GARIS PANDUAN FASA AWAL ENDEMIK BAGI PUSAT KHAS

Dokumen ini menyediakan langkah-langkah di mana sekolah, institusi dan pusat khas di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dibenarkan untuk menjalankan aktiviti semasa Fasa Awal Endemik di bawah Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19. Pendekatan ini adalah untuk memastikan pematuhan kepada langkah teras yang disenaraikan di bawah langkah-langkah Kawalan COVID-19, penggunaan *Antigen Rapid Test (ART)* untuk pengesahan awal penyakit dan memperkenalkan sekatan yang berbeza bagi individu sudah divaksinasi dan belum divaksinasi.

FASA ENDEMIK

Fasa ini akan bermula pada tahap 80% perlindungan vaksinasi.

Hidup dengan COVID-19 dengan gangguan minima pada aktiviti harian.

Langkah-langkah yang boleh dilaksanakan:

- Pengurusan COVID-19 selaras dengan penyakit influenza bermusim dan penyakit berjangkit lain.
- Tingkatkan program penggalak vaksin – pertimbangkan keperluan untuk penggalak tahanan biasa seperti penyakit influenza bermusim.
- Tiada langkah-langkah sekatan berterusan di tempat kerja, perniagaan dan sekolah.
- Kelonggaran pada perjalanan masuk dan keluar negara.

LANGKAH-LANGKAH KAWALAN COVID-19

- Penggunaan Aplikasi BruHealth
 - **Mendaftar BruHealth:** Semua premis mesti mendaftar untuk mendapatkan kod QR *BruHealth*.
 - **Mengimbas Kod BruHealth:** Pemilik premis hendaklah memastikan semua individu yang memasuki premis mengimbas aplikasi *BruHealth* mereka sebaik sahaja masuk (termasuk semua warga pusat / pekerja / kakitangan / ibubapa dan penjaga / pelawat / sukarelawan).
 - **Warna Kod BruHealth:** Pemilik premis memastikan hanya individu yang mempunyai kod *BruHealth* Hijau dan Kuning dibenarkan masuk. Kad Pintar hendaklah diperiksa sebagai pengesahan.
- Vaksin Lengkap: Pemilik premis hendaklah memastikan semua warga pusat / pekerja / kakitangan / ibubapa dan penjaga / pelawat / sukarelawan layak diberi vaksin (tiada kontraindikasi perubatan) telah divaksin sepenuhnya.

- Penjarakan Fizikal: Langkah-langkah penjarakan fizikal yang telah ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 1.5 meter antara individu.
- Pengudaraan Premis: Pemilik premis hendaklah memastikan premis mempunyai sistem pengudaraan yang baik.

INDIVIDU YANG DIVAKSIN SEPENUHNYA

Seseorang individu dianggap telah diberi vaksin sepenuhnya jika dia telah menerima dua dos vaksin di dalam Senarai Penggunaan Kecemasan WHO (WHO EUL) atau vaksin yang diluluskan oleh BDMCA. Status vaksinasi dalam aplikasi *BruHealth*, Sijil Vaksinasi Antarabangsa atau Buku Profilaksis (Buku Kuning) individu atau rekod vaksinasi lain yang boleh diterima hendaklah ditunjukkan kepada pengurusan premis atau penganjur acara sebagai bukti vaksinasi.

LANGKAH-LANGKAH UNTUK PEMBUKAAN PUSAT KHAS

Sekatan Kapasiti

- **Pra-Sekolah, Sekolah Rendah, Menengah, Maktab, Pusat Tingkatan Enam dan Pusat Khas** dibenarkan beroperasi dengan pelaksanaan pendekatan 4 peringkat, di mana bagi Fasa Awal Endemik, ianya adalah seperti berikut :-

Peringkat 1: 20% - 40% Pelajar Hadir

Menengah

- Tahun 10-13 (PL 1 & PL 2 bersekolah 5 kali seminggu)
- Tahun 10-13 (PL 3 bersekolah 3 kali seminggu)

Peringkat 2: 40% - 60% Pelajar Hadir

Menengah

- Tahun 7-13 (PL 1 & PL 2 bersekolah 5 kali seminggu)
- Tahun 7-13 (PL 3 bersekolah 3 kali seminggu)

Protokol Kemasukan

- Individu yang lengkap mendapat 2 dos vaksin dibenarkan untuk hadir ke premis-premis berkenaan. Bukti pengesahan vaksinasi hendaklah ditunjukkan.

- Kanak-kanak dibawah 12 tahun untuk dilaksanakan Kit Ujian Kendiri (ART) menggunakan *saliva swab samples*.
- Ujian kendiri COVID-19 untuk dilakukan sekali dalam seminggu bermula *Stage 1*, sehingga satu penilaian dibuat untuk perlaksanaannya diubah.
- Ujian Kit Ujian Kendiri (ART) ini akan dilakukan di sekolah dengan dibantu oleh pihak sekolah masing-masing.
- Bagi pelajar berumur 12 tahun keatas yang tidak bervaksin dikehendaki untuk membuat ujian ART sekali setiap minggu (Rendah & Menengah) bermula *Stage 1*, sehingga satu penilaian dibuat untuk perlaksanaannya diubah.
- Bagi pelajar, tenaga pengajar dan bukan tenaga pengajar yang lengkap vaksin dikehendaki untuk membuat ujian ART sekali setiap dua minggu bermula *Stage 1*, sehingga satu penilaian dibuat untuk perlaksanaannya diubah.
- Individu yang tidak mengambil vaksin dibenarkan untuk memasuki premis dengan syarat mengambil Ujian Kendiri (ART) bagi COVID-19 untuk dilakukan sekali dalam seminggu bermula *Stage 1*, sehingga satu penilaian dibuat untuk perlaksanaannya diubah.
- Semua individu dikehendaki memakai sungkup muka (*face mask*).
- Semua individu dikehendaki mengimbas Kod QR premis dengan menggunakan aplikasi *BruHealth*.
- Hanya individu yang mempunyai kod *BruHealth* warna hijau dan kuning sahaja dibenarkan masuk. Kad pengenalan hendaklah ditunjukkan sebagai pengesahan.
- Individu yang mengalami simptom dan berisiko tinggi tidak dibenarkan masuk.
- Mempraktikkan penjarakan fizikal pada setiap masa.
- Mengelakkan sebarang kontak fizikal.
- Menggunakan sanitasi tangan sebelum memasuki premis.
- Pemeriksaan suhu badan harian sebelum masuk premis oleh pegawai bertugas.
- Pegawai bertugas dimestikan memakai pelindung muka, sungkup muka, sarung tangan dan apron (*partial PPE*).
- Memastikan Garis Panduan Kementerian Kesihatan Brunei Darussalam sentiasa dipatuhi.

Protokol Pengurusan Sanitasi dan Pembersihan Pembasmi Kuman

- Menjaga kebersihan diri sepanjang masa.
- Menyediakan tisu dan cecair pembasmi kuman untuk pengguna/pengunjung.
- Membersihkan kerusi dan meja dan peralatan premis selepas digunakan.
- Membersihkan tombol atau pemegang pintu setiap dua jam.
- Kerap membersihkan tandas dalam sehari.
- Menyediakan sabun pencuci tangan di dalam tandas.
- Membersihkan ruang/bilik yang digunakan oleh pengguna/pengunjung dengan cecair pembasmi kuman dua kali sehari.
- *Deep sanitisation* akan dilaksanakan sekali dalam seminggu.